

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN

NOVEMBER 2022



KERJASAMA AKADEMIK DAN INDUSTRI PERUSAHAAN MI KUNING

NURUUL HIDAYAH MANSOR, NURUL AZLIN TOKIMAN, NADYA HAJAR, BOON YIH TIEN & NAEMAA MOHAMAD

Penentuan Aktiviti Air (aw) dan Proksimat serta Penilaian Sensori Terhadap Formula Baharu Mi Kering

UiTM CNS - IMB Sdn Bhd



Poster Hebahan

Hubungan baik di antara ahli akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan industri perusahaan kecil bumiputera, syarikat IMB Sdn. Bhd. yang bermula pada tahun 2021 menghasilkan impak positif apabila mula berjaya bekerjasama dalam satu projek penyelidikan mi kering dengan kejayaan memperoleh geran penyelidikan UiTM.

Dua tahun wabak COVID-19 yang melanda dunia telah memberi impak yang besar kepada ekonomi lebih-lebih lagi dengan pengisytiharan perintah kawalan pergerakan seluruh negara. Kebanyakan industri terkesan dan terjejas akibat krisis kesihatan tersebut. Sejajar dengan hal tersebut, kumpulan penyelidik UiTM bekerjasama dengan industri dalam mengetengahkan idea-idea yang dapat membantu syarikat yang dimiliki oleh usahawan bumiputera kecil khususnya untuk terus kekal survive dan bertahan dalam industri.

Kajian dan penyelidikan makmal bermula pada tahun 2021 memberi tumpuan kepada penghasilan formula baru kepada industri dalam penghasilan mi kuning kering. Kerjasama ini masih berterusan sehingga tahun 2022 dimana ia tertumpu ke arah mempraktikkan formula baru yang dicadangkan oleh kumpulan penyelidik kepada industri. Kerjasama ini diharap dapat diteruskan untuk membantu industri terus kekal berpotensi dan relevan dalam pasaran negara dengan penghasilan pelbagai produk-produk berdasarkan mi yang berdaya saing.



Para peserta bersama produk yang dihasilkan



Gambar para penyelidik bersama pihak industri